

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur

Ruang khas perkenal hasil karya

(2 JUN 2023) BH, p22

Mandiri PBAKL buka peluang penerbit, penulis persendirian perluas jaringan

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2023 kali ke-40, di sini, membuka peluang lebih luas kepada penerbit dan penulis kecil-kecilan untuk memperkenalkan karya mereka menerusi ruang khas iaitu Mandiri PBAKL.

Jawatankuasa Pelaksana Mandiri PBAKL 2023, Mimi Salleh, berkata program itu yang masuk tahun kedua sudah ditambah baik, dengan pelbagai pembaharuan diperkenalkan, khusus bagi membantu pembikin karya persendirian térutama potensi memperluaskan jaringan dalam industri perbukuan.


"Ada banyak nilai tambah yang dibawa bagi Mandiri PBAKL 2023, misalnya jika pada tahun lalu, hanya menampilkan pemamer tempatan, kali ini kita turut bawa dua penerbit dan penulis dari negara jiran iaitu Singapura.

"Bagi pemamer, buat julung kali jawatankuasa melaksanakan aktiviti baharu iaitu Klinik Mandiri. Melalui klinik ini, pemamer diberikan pencerahan mengenai bagaimana memanfaatkan platform PBAKL, cara pemasaran dan sebagainya.

"Selain itu, pemamer turut dibantu melalui 'Sesi Jaringan Mandiri'. Ia tidak pernah dibuat sebelum ini. Kita temukan pemamer dengan editor, pereka grafik dan illustrator bebas.

"Sesi ini penting kerana kebanyakannya penerbit swaterbit ini bergerak sendiri, maka mereka tidak mempunyai jaringan meluas terhadap penggiat buku lain," katanya ketika dijumpai di PBAKL 2023, di sini, semalam.

Sebanyak 32 reruui disediakan di Dewan Tun Razak 3, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur



Orang ramai terus mengunjungi PBAKL 2023 di WTCKL, semalam.

(Foto Saifulizzan Tamadi/BH)

(WTCKL), dengan pembabitan penulis persendirian antaranya pengusaha buku foto, travelog, karya kanak-kanak bergambar dan pembikin zine.

Teroka potensi baru

Bagi penulis buku kanak-kanak, Pei Yen Lim, yang kali pertama

menyertai PBAKL, platform Mandiri PBAKL memberi peluang penerbit mandiri seperti mereka menerokai potensi baharu, terutama mendekati pembaca Melayu.

"Kami menghasilkan buku bergambar kanak-kanak dalam bahasa Inggeris yang boleh di-

tempah mengikut permintaan pengguna. Ia menasarkan pembaca dari awal usia iaitu bayi hingga berusia 10 tahun," katanya.

Penulis muda, Zhiddin Aziz, 21, pula berkata platform Mandiri PBAKL memberi ruang memperkenalkan karya sulungnya, *Wajangan Sedaghe* yang disasarkan untuk pembaca remaja.

"Ini kali pertama saya berniaskan diri menjual sendiri karya secara fizikal. Sebelum ini, saya hanya menjual di platform media sosial, walaupun kali pertama masuk PBAKL, sambutan sangat luar biasa," katanya.

Sementara itu, penulis buku travelog, Haizan Runsah berkata, melalui Mandiri PBAKL, ruang untuk penulis mandiri lebih terbuka luas, bukan sahaja untuk mempromosikan karya, malah memudahkan urus niaga dengan pemain industri buku.

"Mungkin penerbit mandiri seperti kami kurang dikenali di luar, tetapi platform ini membolehkan penerbit gergasi, termasuk pembeli dalam kalangan institusi seperti sekolah membeli secara pukal," katanya.